



**KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA**

**KENYATAAN MEDIA
PENAWARAN PEKERJAAN DIIKLANKAN DALAM TALIAN DI MALAYSIA
SUKE TAHUN KETIGA 2023**

**Kekosongan jawatan diiklankan dalam talian merekodkan peningkatan
29.5 peratus dengan 338,305 kekosongan pada ST3 2023**

PUTRAJAYA, 29 FEBRUARI 2024 - Pada hari ini, Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) telah menyajarkan **Analisis Data Raya Job Market Insights dan My Job Profile: Penawaran Pekerjaan Diiklankan Dalam Talian di Malaysia**, bagi suku tahun ketiga 2023. Analisis suku tahunan ini memaparkan statistik yang disusun berdasarkan kekosongan jawatan yang diiklankan dalam talian oleh beberapa portal pekerjaan swasta yang popular. Analisis ini juga menyediakan maklumat kekosongan jawatan yang ditawarkan oleh majikan secara dalam talian daripada pelbagai aspek seperti jenis pekerjaan, profil pekerjaan, aktiviti ekonomi, negeri dan kemahiran.

Ketua Perangkawan Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin berkata, “Bilangan kekosongan jawatan diiklankan dalam talian merekodkan peningkatan sebanyak 29.5 peratus dengan 338,305 kekosongan (ST2 2023: 261,231) pada suku tahun ketiga 2023. Pada suku ini, terdapat sebanyak 77,499 pertubuhan yang menawarkan kekosongan jawatan berbanding 70,571 pertubuhan yang direkodkan pada ST2 2023. Berdasarkan perbandingan tahun ke tahun, bilangan kekosongan jawatan mencatatkan pertumbuhan dua digit iaitu 77.9 peratus berbanding 29.3 peratus pada ST2 2023 (**Carta 1**). Perincian secara bulanan menunjukkan majoriti kekosongan jawatan telah diiklankan pada September 2023 dengan 136,180 kekosongan merangkumi sumbangan sebanyak 40.3 peratus pada ST3 2023. Sementara itu, terdapat 107,183 dan 94,942 kekosongan masing-masing pada bulan Julai dan Ogos 2023.”

Mengulas lanjut mengenai analisis data raya ini, Ketua Perangkawan turut menyatakan, “Bagi kekosongan jawatan diiklankan dalam talian mengikut kategori pekerjaan, Profesional menunjukkan sumbangan terbesar pada suku tahun tersebut dengan 48.6 peratus atau 164,411 kekosongan (**Paparan 1**). Ini diikuti oleh 18.5 peratus (62,628) bagi kategori Juruteknik dan Profesional Bersekutu manakala Pengurus menyumbang 15.7 peratus (53,156). Pecahan selanjutnya mengikut pekerjaan popular pada suku tahun tersebut, terdapat permintaan yang lebih tinggi untuk Profesional Pengiklanan dan Pemasaran, Pengarah Urusan dan Ketua Eksekutif, Profesional Bersekutu Pentadbiran, Akauntan dan Juruaudit, serta Profesional Pentadbiran”.

Dalam sektor ekonomi, Perkhidmatan meliputi lebih dua pertiga daripada kekosongan jawatan diiklankan dalam talian dengan 204,240 kekosongan atau 60.4 peratus pada ST3 2023. Melihat kepada kekosongan jawatan mengikut aktiviti ekonomi, Perdagangan Borong dan Runcit mendominasi kekosongan dengan 19.8 peratus atau 66,931 pekerjaan (**Paparan 2**). Pembuatan merekodkan sejumlah 33,015 kekosongan (9.8%), diikuti oleh Aktiviti Pentadbiran dan Khidmat Sokongan sebanyak 29,179 kekosongan (8.6%) dan Aktiviti Profesional, Saintifik dan Teknikal dengan 22,248 kekosongan (6.6%).

Ketua Perangkawan juga berkata “Pekerjaan popular yang ditawarkan dalam kategori Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) ialah pekerjaan Profesional Pengiklanan dan Pemasaran yang mencatatkan bilangan kekosongan jawatan tertinggi (26,247), diikuti oleh Profesional Bersekutu Pentadbiran (16,369) dan Profesional Pentadbiran (11,078) seperti yang ditunjukkan di **Paparan 3**. Bagi kategori Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik (STEM), tiga (3) pekerjaan utama ialah Pengurus Projek (3,308), Juruteknik (3,067) dan Jurutera Perisian (2,424). Sementara itu, pekerjaan dengan permintaan tertinggi bagi Senarai Pekerjaan Kritikal (COL) ialah Profesional Pengiklanan dan Pemasaran (26,247), Pengarah Urusan dan Ketua Eksekutif (18,081) serta Akauntan dan Juruaudit (14,044).”

Mengenai kekosongan jawatan diiklankan dalam talian di peringkat negeri, kesemua enam belas negeri menunjukkan peningkatan kekosongan berbanding ST2 2023. W.P. Kuala Lumpur mencatatkan kekosongan jawatan tertinggi iaitu 89,335 atau 26.4 peratus (**Paparan 4**). Pada masa yang sama, negeri lain yang mempunyai kekosongan jawatan yang tinggi ialah Selangor dengan merekodkan 28,649 (8.5%), diikuti Johor sebanyak 17,326 (5.1%). Sementara itu, Perlis merekodkan kekosongan terendah iaitu 125.

Dari segi kemahiran, elemen ini memainkan peranan penting dalam pasaran buruh berikutan ia membolehkan individu meningkatkan peluang kerjaya dan memenuhi kehendak majikan. Kemahiran yang diperlukan tersebut meliputi kemahiran insani seperti Bahasa Inggeris, Komunikasi, Bahasa Malaysia, Perancangan dan Pemasaran serta kemahiran teknikal seperti Mandarin, Analisis, Microsoft Office, Pengurusan Projek dan Pemfailan (**Paparan 5**). Dengan melengkapkan kemahiran yang diperlukan, pencari kerja akan lebih bersedia untuk menangani cabaran dan memperoleh peluang pekerjaan yang lebih baik.

Analisis data raya ini bermanfaat kepada pengguna terutamanya golongan pencari kerja. Pencari kerja boleh mendapatkan informasi perincian mengenai penawaran pekerjaan diiklankan dalam talian di Malaysia melalui laman sesawang <http://www.dosm.gov.my/bda-jmi> and <http://myjobprofile.dosm.gov.my>.

Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) telah melancarkan OpenDOSM NextGen sebagai medium yang menyediakan katalog data dan visualisasi bagi memudahkan pengguna menganalisis pelbagai data dan boleh diakses melalui portal <https://open.dosm.gov.my>.


DOSM akan menjalankan Banci Pertanian pada tahun 2024. Mohon layari <https://www.myagricensus.gov.my/> untuk maklumat lanjut. Tema adalah "Banci Pertanian, Kunci Kemajuan Pertanian".

Kerajaan Malaysia telah mengisytiharkan Hari Statistik Negara (MyStats Day) pada 20 Oktober setiap tahun. Tema sambutan MyStats Day adalah "Statistik Nadi Kehidupan".


Pangkalan Data Utama (PADU) telah diluncurkan pada 2 Januari 2024. PADU mengandungi profil individu dan isi rumah meliputi warganegara dan pemastautin tetap di Malaysia. Matlamat utama PADU untuk memastikan rakyat Malaysia tidak tercincir daripada setiap inisiatif berpaksikan rakyat yang dilaksanakan oleh Kerajaan. Dimohon kerjasama untuk mendaftar dan mengemaskini PADU sebelum atau pada 31 Mac 2024. Sila layari <https://www.padu.gov.my> bagi maklumat lanjut berkaitan PADU atau menghubungi talian hotline berikut:

- i) Jabatan Perangkaan Malaysia : 1-800-88-7720 /1-800-88-7721
- ii) Pertanyaan secara online melalui SISPAA: <https://padu.spab.gov.my>


Carta 1: Kekosongan Jawatan Diiklankan dalam Talian, ST3 2019 - ST3 2023




Paparan 1: Kekosongan Jawatan Diiklankan dalam Talian mengikut Pekerjaan, ST2 2023 - ST3 2023



Paparan 2: Kekosongan Jawatan Diiklankan dalam Talian mengikut Aktiviti Ekonomi, ST2 2023 - ST3 2023




Paparan 3: Kekosongan Jawatan Tertinggi Diiklankan dalam Talian mengikut TVET, STEM dan COL, ST2 2023 - ST3 2023



Paparan 4: Kekosongan Jawatan Diiklankan dalam Talian mengikut Negeri, ST2 2023 - ST3 2023

W.P. Kuala Lumpur	Selangor	Johor	Pulau Pinang
 89,335 59,222	 28,649 20,438	 17,326 11,436	 7,009 5,283
Sarawak	Sabah	Melaka	Perak
 4,310 2,499	 3,675 2,657	 3,393 2,342	 3,295 2,012
Kedah	Pahang	Terengganu	Negeri Sembilan
 2,110 1,546	 1,422 890	 1,203 784	 1,192 692
Kelantan	W.P. Putrajaya	W.P. Labuan	Perlis
 1,140 838	 858 446	 161 99	 125 91
■ ST3 2023 ■ ST2 2023			

Paparan 5: Permintaan kemahiran insani dan kemahiran teknikal, ST3 2023



Nota: Statistik dari laporan ini hendaklah ditafsirkan dengan berhati-hati disebabkan keterbatasan data analisis data raya (menggunakan kaedah *web scraping*) dan tidak menggambarkan populasi sebenar kekosongan jawatan.

Dikeluarkan oleh:

**PEJABAT KETUA PERANGKAWAN
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA
29 FEBRUARI 2024**



**MINISTRY OF ECONOMY
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA**

**MEDIA STATEMENT
JOB VACANCIES ADVERTISED ONLINE IN MALAYSIA
THIRD QUARTER OF 2023**

Job vacancies advertised online recorded an increase of 29.5 per cent with 338,305 vacancies in Q3 2023

PUTRAJAYA, FEBRUARY 29, 2024 - Today, the Department of Statistics Malaysia (DOSM) released **Big Data Analytics of Job Market Insights and My Job Profile: Job Vacancies Advertised Online in Malaysia**, for the third quarter of 2023. The quarterly analysis features statistics compiled based on job vacancies advertised online by several popular private recruitment portals. The analysis also provides information on job vacancies offered by employers via online from various aspects such as job type, job profile, economic activity, state and skills.

Chief Statistician of Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin stated, "The number of job vacancies advertised online recorded an increase of 29.5 per cent with 338,305 vacancies (Q2 2023: 261,231) in the third quarter of 2023. During this quarter, there were 77,499 establishments offering job vacancies as compared to 70,571 in the preceding quarter. On a year-on-year basis, the number of job vacancies registered a double digit growth of 77.9 per cent as against 29.3 per cent in Q2 2023 (**Chart 1**). Further disaggregation by monthly basis showed that most of the job vacancies were posted in September 2023 with 136,180 vacancies which comprised a share of 40.3 per cent in Q3 2023. In the meantime, there were 107,183 and 94,942 vacancies in July and August 2023, respectively."

Commenting further on the data analysis, Chief Statistician also stated, "As for job vacancies advertised online by occupation category, Professionals comprised the largest share during the quarter with 48.6 per cent or 164,411 vacancies (**Exhibit 1**). This was followed by 18.5 per cent (62,628) in the category of Technicians and Associate Professionals while Managers accounted for 15.7 per cent (53,156). On further disaggregation of the hottest job during the quarter, there were higher demand for Advertising and Marketing Professionals, Managing Directors and Chief Executives, Administrative Associate Professionals, Accountants and Auditors, and Administrative Professionals."

*In the economic sector, Services made up more than two third of job vacancies advertised online at 204,240 vacancies or 60.4 per cent in Q3 2023. Observing the job vacancies by economic activity, Wholesale and Retail Trade dominated the vacancies with 19.8 per cent or 66,931 jobs (**Exhibit 2**). Manufacturing recorded a total of 33,015 vacancies (9.8%), followed by Administrative and Support Service Activities at 29,179 vacancies (8.6%) and Professional, Scientific and Technical Activities with 22,248 vacancies (6.6%).*

*Chief Statistician also said, “Popular jobs offered in the Technical and Vocational Education and Training (TVET) category was Advertising and Marketing Professionals occupation which registered the highest number of vacancies (26,247), followed by Administrative Associate Professionals (16,369) and Administrative Professionals (11,078) as depicted in **Exhibit 3**. As for the Science, Technology, Engineering and Mathematics (STEM) category, the top three (3) jobs were Project Manager (3,308), Technician (3,067) and Software Engineer (2,424). In the meantime, the highest demand jobs for Critical Occupation List (COL) was Advertising and Marketing Professionals (26,247), Managing Directors and Chief Executives (18,081) as well as Accountant and Auditors (14,044).”*

*Concerning the job vacancies advertised online at the state level, all sixteen states observed increases in vacancies as compared to Q2 2023. W.P. Kuala Lumpur posted the highest vacancies at 89,335 or 26.4 per cent (**Exhibit 4**). On the same note, another state with high vacancies was Selangor which recorded 28,649 (8.5%), followed by Johor at 17,326 (5.1%). Meanwhile, Perlis recorded the lowest vacancies at 125.*

*In terms of skills, it plays a crucial role in the labour market as it enables an individual to enhance their career opportunities and meet the employers' demands. The required skills include soft skills such as English, Communication, Bahasa Malaysia, Planning and Marketing, as well as hard skills such as Mandarin, Analysis, Microsoft Office, Project Management and Filing (**Exhibit 5**). By acquiring the necessary skills, job seekers will be better prepared to tackle challenges and secure better job opportunities.*

The big data analytics is beneficial to users, especially job seekers. Job seekers can get detailed information on job offers advertised online in Malaysia through the website <http://www.dosm.gov.my/bda-jmi> and <http://myjobprofile.dosm.gov.my>.

The Department of Statistics Malaysia (DOSM) has launched OpenDOSM NextGen as a medium that provides a catalog of data and visualisations to facilitate users' analysis of various data and can be accessed through <https://open.dosm.gov.my>.

DOSM will conduct the Agricultural Census in 2024. Please visit <https://www.myagricsensus.gov.my/> for more information. The theme is “Agriculture Census, Key to Agricultural Development.

The Government of Malaysia has declared National Statistics Day (MyStatsDay) on October 20th each year. MyStatsDay theme is “Statistics is the Essence of Life”.

The Central Database (PADU) was launched on 2 January 2024. PADU contains individual and household profiles covering citizens and permanent residents of Malaysia. The main goal of PADU is to ensure that Malaysians are not left behind from citizen centric initiatives implemented by the Government. Your kind cooperation is requested to register and update PADU by 31 March 2024. Please visit <https://www.padu.gov.my> for more information related to PADU or contact the following hotlines:

- i) Department of Statistics Malaysia : 1-800-88-7720 /1-800-88-7721
- ii) Online Enquiries through SISPAA: <https://padu.spab.gov.my>

Chart 1: Job Vacancies Advertised Online, Q3 2019 - Q3 2023




Exhibit 1: Job Vacancies Advertised Online by Occupation, Q2 2023 - Q3 2023




Exhibit 2: Job Vacancies Advertised Online by Economic Activity, Q2 2023 – Q3 2023




Exhibit 3: Job Vacancies Advertised Online by TVET, STEM and COL, Q2 2023 - Q3 2023





Exhibit 4: Job Vacancies Advertised Online by State, Q2 2023 - Q3 2023



Exhibit 5: Most in-demand of soft skills and hard skills, Q3 2023



Note: The statistics from this report must be interpreted with caution due to the data limitation as it is gathered via big data analytics (using web scraping techniques) and does not reflect the actual population of job vacancies.

Released by:

**THE OFFICE OF CHIEF STATISTICIAN MALAYSIA
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA
29 FEBRUARY 2024**